

TABAYYUN DIGITAL: INTEGRASI AL-QURAN DAN KECERDASAN BUATAN DALAM MENAPIS MAKLUMAT MEDIA SOSIAL^(*)

*(Digital Tabayyun: Integrating the Quran and Artificial Intelligence in
Filtering Social Media Information)*

Khairul Azhar Meerangani¹, Mohd Roslan Mohd Nor²,
Mohammad Fahmi Abdul Hamid³, Mohd Azahari Mohd Yusof⁴,
Mohd Farhan Md Ariffin⁵

ABSTRACT

The Fourth Industrial Revolution (IR4.0) has witnessed rapid advancements in information and communication technology (ICT) platforms. These developments have enabled society to utilise various platforms, particularly social media, more effectively. However, the dissemination of information on social media often occurs without proper filtering processes, contributing to the spread of false news, slander, and social harm. The principle of tabayyun, as outlined in the Quran, emphasises the need to investigate and verify the authenticity of information before it is shared. In today's digital context, there is a growing

^(*) This article was submitted on: 09/06/2025 and accepted for publication on: 25/09/2025.

¹ Corresponding Author. Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Melaka, Malaysia.

E-mel: azharmeerangani@uitm.edu.my

² Profesor, Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

E-mel: m_roslan@um.edu.my

³ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Melaka, Malaysia.

E-mel: fahmihamid@uitm.edu.my

⁴ Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Universiti Teknologi MARA Melaka, Malaysia.

E-mel: azahariyusof@uitm.edu.my

⁵ Pensyarah Kanan, Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

E-mel: Farhan.ariffin@ukm.edu.my

need to apply this Quranic principle systematically and efficiently through the integration of artificial intelligence (AI) technologies. Therefore, this article analyses the principle of tabayyun from a Quranic perspective and explores its potential integration into AI technology, particularly in filtering and detecting information on social media. This study adopts a qualitative approach through thematic analysis of relevant Quranic verses, as well as a review of existing AI models used for detecting, assessing, and filtering false information. The findings propose a preliminary framework of Digital Tabayyun, an ethical information filtering system grounded in Quranic values and enhanced by AI technology. Ultimately, this article offers an initial contribution towards the development of a revelation-based algorithm to address information challenges in the digital age.

Keywords: *Tabayyun, al-Quran, Artificial Intelligence, Social Media, Information Ethics*

ABSTRAK

Era Revolusi Industri Keempat (IR4.0) telah menyaksikan perkembangan pesat dalam platform teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Kemudahan ini membolehkan masyarakat memanfaatkan pelbagai platform, terutamanya media sosial dengan lebih berkesan. Namun, penularan maklumat di media sosial sering berlaku tanpa proses penapisan yang teliti, sehingga menyumbang kepada penyebaran berita palsu, fitnah, dan kerosakan sosial. Prinsip tabayyun seperti yang digariskan dalam al-Quran menekankan keperluan menyelidik dan menilai kesahihan maklumat sebelum ia disebar. Dalam konteks digital semasa, timbul keperluan untuk menerapkan prinsip wahyu ini secara sistematik dan efisien melalui integrasi teknologi kecerdasan buatan (AI). Justeru, artikel ini menganalisis prinsip tabayyun menurut perspektif al-Quran, serta meneroka potensi integrasinya dalam teknologi AI, khususnya dalam penapisan dan pengesanan maklumat di media sosial. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis tematik terhadap ayat-ayat berkaitan, serta tinjauan terhadap model AI sedia ada bagi tujuan pengesanan, penilaian dan penapisan berita palsu. Hasil kajian mencadangkan satu kerangka awal Tabayyun Digital, iaitu sistem tapisan maklumat beretika berasaskan nilai-nilai al-Quran dan diperkukuh oleh teknologi AI. Tuntasnya, artikel ini menawarkan sumbangan awal ke arah

pembinaan algoritma berteraskan wahyu bagi menangani cabaran maklumat dalam era digital.

Kata Kunci: *Tabayyun; al-Quran; Kecerdasan Buatan; Media Sosial; Etika Maklumat*

1. PENGENALAN

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam era Revolusi Industri Keempat (IR 4.0) telah membawa perubahan besar dalam cara manusia berinteraksi, berkomunikasi dan memperoleh maklumat. Salah satu ciri utama era ini ialah ledakan penggunaan media sosial seperti Facebook, Twitter (X), Instagram dan TikTok yang telah menjadi sumber maklumat utama masyarakat global (Zeynep, 2017). Ciri keterbukaan, kepantasan dan capaian meluas platform ini memberikan banyak manfaat, namun dalam masa yang sama mendedahkan masyarakat kepada risiko penularan maklumat palsu, berita tidak sahih dan fitnah siber (Claire & Hossein, 2017). Fenomena penyebaran maklumat yang tidak ditapis ini telah memberi kesan besar kepada kestabilan sosial, keharmonian masyarakat dan ketelusan maklumat. Kajian mendapati bahawa berita palsu mempunyai kadar penularan yang jauh lebih tinggi berbanding maklumat sahih kerana sifatnya yang sensasi dan bersifat emosional (Soroush, Deb & Sinan, 2018). Dalam konteks ini, prinsip tabayyun yang digariskan oleh al-Quran, khususnya dalam Surah al-Hujurat ayat 6, menawarkan satu pendekatan etika yang relevan dan komprehensif dalam menangani cabaran maklumat di era digital. Konsep tabayyun ini memberi penekanan kepada tanggungjawab sosial untuk menyelidik dan mengesahkan kesahihan sesuatu berita sebelum mempercayai atau menyebarkannya. Tafsir klasik seperti karya Ibn Kathir dan al-Qurtubi menekankan bahawa ayat ini bukan hanya berkaitan akhlak individu, tetapi juga mempunyai implikasi sosial yang luas berkaitan ketertiban maklumat dan keadilan dalam masyarakat (Ibn Kathir, 2004; al-Qurtubi, 1993).

Seiring dengan cabaran maklumat dalam dunia digital, kemunculan teknologi kecerdasan buatan (AI) telah membuka ruang baharu dalam usaha menilai dan menyaring maklumat secara automatik dan sistematik. Teknologi ini telah diaplikasikan dalam pelbagai sistem pengesanan berita palsu melalui algoritma yang menilai bahasa, corak penyebaran dan kredibiliti sumber (Kai Shu et. al, 2017). Namun, kebanyakan sistem ini berasaskan logik teknikal semata-

mata tanpa mengambil kira dimensi etika dan nilai spiritual yang mendalam. Oleh itu, terdapat keperluan untuk membina satu pendekatan penapisan maklumat yang menggabungkan kebijaksanaan wahyu dan keupayaan teknologi, iaitu integrasi antara prinsip tabayyun dan aplikasi AI. Justeru, artikel ini bertujuan untuk menganalisis konsep tabayyun menurut perspektif al-Quran serta meneroka potensi integrasinya dalam teknologi kecerdasan buatan untuk menangani isu penapisan dan pengesanan maklumat palsu di media sosial. Kajian ini mencadangkan satu kerangka awal Tabayyun Digital sebagai pendekatan bersepadu yang berpaksaan nilai Islam dan teknologi semasa.

2. SOROTAN LITERATUR

Perkembangan pesat dalam bidang teknologi maklumat dan media sosial telah membawa kepada keperluan untuk memahami semula konsep-konsep tradisional Islam, terutamanya dalam pengurusan maklumat. Penularan maklumat tanpa tapisan bukan sahaja menjejaskan kualiti komunikasi masyarakat moden, malah berpotensi mencetuskan konflik, salah faham, dan kerosakan sosial yang meluas (Wardle & Derakshan, 2017). Dalam konteks ini, prinsip tabayyun yang bersumberkan al-Quran perlu dilihat bukan sekadar sebagai prinsip adab peribadi, tetapi sebagai kerangka nilai yang mampu memberi sumbangan kepada etika digital masa kini. Kajian-kajian terdahulu telah membincangkan pelbagai isu berkaitan maklumat dalam Islam, seperti keadilan, kejujuran, serta tanggungjawab dalam penyampaian berita (Mohd Nasir, 2004). Namun, masih terdapat kekurangan dalam usaha menyambungkan prinsip wahyu ini dengan cabaran teknikal dan sosial yang wujud dalam ekosistem media sosial moden. Tambahan pula, kemunculan teknologi kecerdasan buatan (AI) sebagai alat utama dalam penapisan maklumat membuka dimensi baharu yang menuntut integrasi nilai agama dengan kemajuan teknologi (Luciano, 2013).

Sebahagian sarjana Islam kontemporari telah mula menekuni hubungan antara etika Islam dan teknologi digital, namun penekanan kepada prinsip tabayyun secara khusus, serta potensinya untuk dijadikan asas dalam reka bentuk sistem AI, masih kurang diterokai. Maka, sorotan literatur ini akan menggariskan tiga tema utama yang membentuk latar pemikiran kepada kajian ini, iaitu; a) konsep tabayyun dalam al-Quran dan tafsir, b) cabaran penyebaran maklumat dalam media sosial, dan c) aplikasi AI dalam penapisan dan pengesanan maklumat. Ketiga-tiga tema ini akan dianalisis secara kritikal bagi menunjukkan jurang yang wujud dalam kajian semasa, sekali gus mengukuhkan rasional pembinaan kerangka Tabayyun Digital.

a) Konsep Tabayyun dalam al-Quran dan Tafsir

Konsep tabayyun dalam al-Quran merupakan satu prinsip penting dalam etika komunikasi Islam yang menekankan keperluan menyelidik, menilai, dan mengesahkan sesuatu maklumat sebelum menerima atau menyebarkannya. Asas konsep ini merujuk kepada ayat yang masyhur dalam Surah al-Hujurat (49:6):

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ
فَتُصِيبُحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ

Terjemahan: *Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah, agar kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan kejahilan lalu kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.*

Ayat ini diturunkan berikutan satu insiden yang melibatkan sahabat al-Walid ibn ‘Uqbah yang ditugaskan untuk mengutip zakat daripada satu kabilah. Beliau kembali dengan laporan kurang tepat kerana salah faham dan ketakutan, menyebabkan Rasulullah SAW hampir bertindak berdasarkan maklumat yang tidak sahih (al-Tabari, 1995). Berdasarkan konteks ini, para mufassir menjelaskan bahawa perintah tabayyun adalah satu bentuk arahan syarak untuk mengelakkan tindakan yang terburu-buru, tidak adil dan berasaskan sangkaan semata-mata.

Ibn Kathir (2004) menyatakan bahawa ayat ini menjadi asas dalam menetapkan kaedah menerima berita daripada individu yang tidak diketahui keadilannya, terutamanya yang mempunyai latar belakang fasik atau tidak diyakini. Beliau menekankan pentingnya menyemak berita dengan teliti agar tidak terjerumus dalam kezaliman dan penyesalan. Sementara itu, al-Qurtubi (1993) menyatakan bahawa ayat ini menunjukkan bahawa tidak semua berita layak diterima tanpa semakan, sekalipun ia datang daripada kalangan Muslim. Tafsir ini turut menegaskan keperluan kepada prinsip kehati-hatian dan objektiviti dalam menerima maklumat. Dalam tafsir kontemporari, Sayyid Qutb (2003) melihat ayat ini sebagai satu peringatan terhadap kesan sosial yang besar akibat penyebaran maklumat palsu. Beliau mengaitkan tabayyun dengan keadilan sosial dan keutuhan masyarakat Islam yang boleh runtuh jika maklumat disampaikan tanpa semakan yang bertanggungjawab. Menurut beliau, perintah *fatabayyanu* menunjukkan bahawa Islam sangat mengambil berat terhadap integriti maklumat dan tanggungjawab sosial dalam berkomunikasi.

Dari sudut bahasa, tabayyun berasal daripada akar kata ba-ya-na yang membawa maksud 'jelas', 'nyata' atau 'menentukan secara terang' (Hans Wehr, 1994). Dalam konteks al-Quran, istilah ini mencerminkan suatu proses intelektual dan moral untuk mencapai kebenaran sebelum bertindak. Ini seiring dengan konsep *al-haqq* (kebenaran) yang menjadi teras dalam etika Islam. Menurut al-Syawkani (t.th), tabayyun adalah proses memeriksa dengan teliti menggunakan pendekatan *tathabbut*, iaitu berhati-hati dan tidak tergesa-gesa, melihat dengan keilmuan yang dalam terhadap sebuah peristiwa dan khabar yang datang, sampai menjadi jelas dan terang baginya. Langkah ini perlu diambil supaya tidak berlaku sebarang kerosakan dan bencana terhadap mana-mana pihak, sehingga menyebabkan mereka akan menyesal di atas perbuatan yang mereka lakukan. Kerana itulah, prinsip tabayyun diseirinkan dengan ayat yang menuntut umat bersangka baik dan tidak mudah menjatuhkan hukum atau kesimpulan sebagaimana yang disebut ayat 12 dalam surah yang sama:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ

Terjemahan: *Wahai orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada prasangka kerana sesungguhnya sebahagian daripada sangkaan itu adalah dosa.*

Oleh itu, tabayyun bukan sahaja mencerminkan adab individu terhadap maklumat, tetapi menjadi asas epistemologi Islam dalam menangani berita dan maklumat dalam sebarang bentuk; lisan, bertulis, atau digital. Meskipun ayat ini khusus ditujukan kepada berita yang datang daripada golongan fasik, prinsipnya bersifat umum dan boleh diperluaskan kepada pelbagai bentuk komunikasi, termasuk maklumat yang tersebar dalam media moden seperti media sosial. Dalam konteks kontemporari, prinsip ini memberi kerangka nilai untuk menilai berita palsu, provokasi maya, dan penyebaran fitnah digital yang menjadi ancaman kepada keharmonian sosial.

b) Penyebaran Maklumat dan Isu Etika di Media Sosial

Media sosial telah menjadi platform utama dalam penyebaran maklumat seiring dengan perkembangan teknologi komunikasi digital. Aplikasi seperti Facebook, Twitter (kini X), WhatsApp, Instagram dan TikTok membolehkan pengguna berkongsi maklumat dalam masa sebenar kepada khalayak yang luas tanpa tapisan institusi tradisional seperti media arus perdana (Zeynep, 2017). Ciri-ciri keterbukaan, interaktiviti dan viraliti platform ini telah mengubah landskap

komunikasi global kepada bentuk yang lebih demokratik tetapi turut terdedah kepada manipulasi dan penyalahgunaan. Kajian mendapati bahawa maklumat palsu (*fake news*) mempunyai kadar penularan yang lebih tinggi berbanding maklumat sahih. Vosoughi et al. mendapati bahawa berita palsu tersebar lebih cepat, lebih jauh, dan lebih meluas di media sosial, terutama apabila melibatkan isu politik dan emosi (Soroush, Deb & Sinan, 2018). Kajian oleh Amy Mitchell et. al (2019) pula menunjukkan bahawa ramai pengguna media sosial gagal membezakan antara maklumat sahih dan palsu, khususnya dalam kalangan pengguna muda. Kelemahan ini berpunca daripada dua faktor utama; kurangnya literasi maklumat dan kecenderungan emosi dalam proses perkongsian kandungan digital.

Dalam konteks Muslim, isu penyebaran maklumat yang tidak sahih boleh membawa kepada fitnah, pecah belah, serta pelanggaran prinsip-prinsip utama dalam agama Islam. Islam secara jelas melarang penyebaran maklumat tanpa asas yang kukuh. Dalam Surah al-Isra', Allah berfirman:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَٰئِكَ كَانَ عَنْهُ
مَسْئُولًا

Terjemahan: *Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semuanya akan dipertanggungjawabkan.* (Surah al-Isra' 17:3)

Ayat tersebut menegaskan bahawa setiap bentuk penyebaran maklumat memerlukan asas ilmu, bukti dan tanggungjawab moral.

Isu etika media sosial dalam konteks Muslim semakin mendapat perhatian dalam wacana akademik kontemporari. Beberapa kajian menunjukkan bahawa pengguna Muslim masih belum mengintegrasikan prinsip-prinsip akhlak Islam secara konsisten dalam penggunaan media sosial (Aida Mokhtar, 2017). Ini termasuk kecenderungan untuk berkongsi tanpa semakan, menyebarkan sentimen negatif, dan menyertai perdebatan tidak beradab. Dalam hal ini, nilai tabayyun perlu diketengahkan bukan sahaja sebagai amalan individu, tetapi juga sebagai kerangka nilai masyarakat digital Muslim.

Tambahan pula, algoritma media sosial seperti *newsfeed algorithms* dan *recommendation systems* cenderung mempromosikan kandungan yang sensasi dan provokatif bagi meningkatkan kadar interaksi dan masa tontonan (Safiya, 2018). Ini menjadikan penyebaran maklumat palsu lebih berbahaya, kerana sistem itu

sendiri ‘mengganjar’ maklumat yang boleh menimbulkan reaksi emosi; yang bertentangan dengan prinsip Islam yang menyeru kepada kebenaran, keadilan dan ketenangan. Dalam konteks ini, integrasi prinsip tabayyun dalam penggunaan dan pengurusan media sosial bukan sahaja bersifat normatif, tetapi juga bersifat preventif dan reformatif. Ia mampu menjadi garis panduan etika yang menyeluruh dalam menghadapi fenomena gangguan maklumat (*information disorder*) yang semakin kompleks.

c) Kecerdasan Buatan dan Penapisan Maklumat

Kemajuan dalam bidang kecerdasan buatan (AI) telah membuka ruang baharu dalam usaha menangani penularan maklumat palsu di media sosial. AI kini digunakan secara meluas dalam pembangunan sistem pengesanan berita palsu (*fake news detection*), penyaringan kandungan (*content moderation*), dan penilaian reputasi sumber (*source credibility analysis*) (Shu et. al, 2017). Teknologi ini menggunakan pelbagai pendekatan termasuk natural language processing (NLP), pembelajaran mesin (*machine learning*), dan pembelajaran mendalam (*deep learning*) bagi menilai keaslian, niat dan impak sesuatu maklumat digital. Beberapa model AI yang terkenal dalam pengesanan maklumat palsu termasuklah sistem seperti FakeNewsNet, LIAR dataset, dan algoritma Fact-Check dari Google (William, 2017). Sistem ini dibina berasaskan analisis data besar (*big data*), corak linguistik dan kehadiran metadata, bagi mengenal pasti elemen-elemen berita yang mencurigakan. Kajian oleh Shu et al. (2017) menunjukkan bahawa AI mampu mengesan berita palsu dengan ketepatan yang tinggi dalam konteks tertentu, namun ketepatan tersebut masih terhad oleh isu bias data, konteks budaya, dan perbezaan bahasa.

Di samping itu, muncul persoalan berkaitan etika algoritma apabila sistem AI dilatih menggunakan data yang berat sebelah atau dipengaruhi oleh kepentingan korporat dan politik (Brent et. al, 2016). Safiya (2018) menyatakan bahawa AI bukan bersifat neutral, tetapi mencerminkan nilai-nilai pihak yang membinanya, termasuk dalam aspek penapisan maklumat dan keutamaan kandungan. Oleh itu, keperluan kepada model AI yang bukan sahaja efisien dari segi teknikal, tetapi juga berpaksikan nilai moral dan keadilan sosial adalah sangat mendesak, terutama dalam konteks masyarakat beragama seperti umat Islam.

Dalam wacana Muslim, terdapat usaha awal untuk membina kerangka AI beretika yang berasaskan maqasid syariah dan nilai-nilai Islam. Misalnya, kajian oleh Wahyudi (2022) mencadangkan pendekatan pembangunan sistem maklumat digital yang selari dengan prinsip kejujuran (*sidq*), amanah, dan

tanggungjawab sosial. Namun, penekanan khusus kepada prinsip tabayyun dalam reka bentuk sistem AI masih belum diterokai secara mendalam. Justeru, tabayyun menyediakan satu kerangka semak maklumat yang bukan sahaja bersifat kognitif, tetapi juga etika dan spiritual. Oleh yang demikian, terdapat ruang penting untuk membangunkan satu kerangka penapisan maklumat berasaskan tabayyun yang boleh dijadikan asas kepada pembangunan AI yang lebih beretika. Ini termasuklah penggunaan nilai tabayyun sebagai satu set parameter yang boleh diintegrasikan dalam algoritma penilaian berita; misalnya menilai kebolehpercayaan sumber, kelengkapan fakta, dan potensi impak sosial maklumat yang disebarkan. Gabungan antara prinsip wahyu dan keupayaan AI inilah yang menjadi asas kepada cadangan model Tabayyun Digital dalam kajian ini.

Sorotan literatur yang telah dibincangkan memperlihatkan bahawa wujud jurang antara prinsip tabayyun dalam wacana Islam dengan aplikasi praktikal teknologi moden, khususnya dalam konteks pengurusan maklumat digital melalui kecerdasan buatan. Walaupun terdapat kajian terdahulu yang membincangkan aspek etika digital dalam Islam dan kemampuan AI dalam pengesanan maklumat, integrasi langsung antara nilai wahyu dan kejuruteraan teknologi masih belum dibangunkan secara sistematik. Maka, kajian ini bertujuan untuk meneroka potensi integrasi tersebut melalui pendekatan metodologi yang dijelaskan dalam bahagian berikut.

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif yang bersifat eksploratif dan konseptual. Kaedah ini dipilih kerana sesuai untuk memahami makna mendalam prinsip tabayyun dalam al-Quran serta meneroka potensi penerapannya dalam konteks teknologi maklumat moden, khususnya kecerdasan buatan (AI). Reka bentuk kajian ini merangkumi dua komponen utama. Pertama, analisis tematik terhadap teks wahyu yang melibatkan penelitian ayat-ayat al-Quran berkaitan tabayyun, khususnya Surah al-Ḥujurāt:6, beserta pentafsiran klasik dan kontemporari oleh para mufassir seperti al-Ṭabari, Ibn Kathir, al-Qurṭubi, dan Sayyid Qutb. Analisis ini bertujuan mengenal pasti nilai-nilai teras dan kerangka etika yang terkandung dalam konsep tabayyun sebagai asas normatif.

Kedua, kajian ini melaksanakan tinjauan literatur terhadap model dan sistem AI yang dibangunkan untuk tujuan penapisan maklumat dan pengesanan berita palsu. Fokus tinjauan ini bukan pada analisis teknikal secara mendalam,

tetapi pada pengenalpastian ciri umum dan kecenderungan utama dalam pembangunan teknologi. Tinjauan ini berperanan memberikan gambaran tentang potensi dan keterbatasan sistem sedia ada, sekali gus menyoroti ruang untuk integrasi nilai etika Islam yang berpaksikan prinsip tabayyun. Sumber data bagi kajian ini terdiri daripada dua kategori: (i) sumber primer, iaitu teks al-Quran dan tafsir; dan (ii) sumber sekunder, yang meliputi artikel jurnal akademik, buku, serta laporan penyelidikan berkaitan etika komunikasi Islam, penyebaran maklumat palsu, dan aplikasi AI dalam konteks penapisan maklumat digital.

Kaedah analisis utama ialah pendekatan tematik, yang digunakan untuk mengenal pasti konsep-konsep utama dalam prinsip tabayyun seperti kehati-hatian, verifikasi maklumat, dan tanggungjawab sosial. Selanjutnya, sintesis konseptual dilakukan dengan menggabungkan tema-tema ini dengan dapatan daripada literatur AI, untuk membina cadangan kerangka awal Tabayyun Digital. Kajian ini tidak memfokuskan pembangunan sistem AI atau ujian teknikal, tetapi bersifat konseptual dan normatif. Matlamat utamanya ialah menyediakan asas teoritikal bagi kerangka etika digital yang boleh dimanfaatkan dalam penyelidikan lanjutan yang lebih empirikal atau teknikal pada masa akan datang.

4. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Perkembangan era digital selain mampu memberikan dampak positif terhadap kehidupan masyarakat, turut berpotensi disalahgunakan bagi mencetuskan konflik tidak wajar bagi memenuhi kepentingan peribadi. Pada dasarnya, pelbagai inisiatif telah digerakkan oleh pihak kerajaan sama ada dalam bentuk polisi pentadbiran mahupun perundangan bagi menangani konflik media digital di Malaysia. Namun, cabaran dunia semasa yang menyaksikan peralihan kepada interaksi digital juga memerlukan kepada suatu anjakan paradigma dalam mengatur hubungan antara masyarakat, lebih-lebih lagi dalam konteks kemajmukan yang wujud di Malaysia. Hasil daripada analisis tematik terhadap teks al-Quran dan tinjauan terhadap literatur kecerdasan buatan, kajian ini mencadangkan satu model konseptual yang dinamakan Kerangka Tabayyun Digital. Model ini dirangka dengan tujuan untuk mengintegrasikan prinsip-prinsip tabayyun dalam pengurusan maklumat media sosial dengan pendekatan sistematik yang boleh diadaptasi dalam reka bentuk teknologi AI.

Model Tabayyun ini merangkumkan tiga pendekatan yang diekstrak daripada Surah al-Hujurat (49:6) seperti berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ
فَتُصِيبُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ


Terjemahan: *Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah, agar kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan kejahilan lalu kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.*

Berdasarkan ayat tersebut, terdapat tiga tema yang telah dirumuskan sebagai asas kepada Model Tabayyun Digital ini, iaitu *al-Naba'*, *al-Tabayyun* dan *al-Musibah*. Setiap daripada tema ini pula mewakili setiap fasa penting sebagai struktur utama model ini, iaitu Fasa 1: Penilaian Sumber (*al-Naba'*); Fasa 2: Pelaksanaan Tindakan (*al-Tabayyun*) dan Fasa 3: Pengurusan Impak (*al-Musibah*). Fasa 1 dibina berdasarkan Model Ketulenan Sumber Kieso et.al (2013), yang mengandungi enam item bagi menguji ketulenan sesuatu sumber maklumat, iaitu Kebolehkaitan (*Relevant*), Kebolehpercayaan (*Reliability*), Kebolehlengkapan (*Completeness*), Kebolehsampaian (*Timeliness*), Kebolehfahaman (*Understandability*) dan Kebolehsemakan (*Verifiability*) (Kieso, Weygandt & Warfield, 2013). Fasa 2 pula berdasarkan kepada Model Tabayyun Aryo et.al (2019), yang mengandungi empat proses utama bagi tujuan tabayyun, iaitu Kawalan Diri (*Self-Control*), Sikap Terbuka (*Open-Minded*), Pemikiran Kritis (*Critical Thinking*) dan Maklumat Tambahan (*Information Seeking*).

Fasa 2 ini akan disusuli oleh Fasa 3, bertujuan menilai semula impak pelaksanaan tindakan berdasarkan prinsip Maslahah (Kebaikan) dan Mafsadah (Kemudaratan). Bagi fasa ini, Parameter Pentarjihan Maslahah-Mafsadah Ridzwan (2008) pula akan digunakan bagi memastikan penilaian risiko dan pengurusan impak dilaksanakan secara holistik dan komprehensif berdasarkan asas a) Menolak mafsadah (keburukan) lebih utama daripada mendatangkan masalah (kebaikan); b) Apabila bertembung antara dua masalah (kebaikan), maka perlu mengutamakan masalah yang lebih jelas (*rajihah*), pasti (*qat'iyyah*) dan menyeluruh (*ammah*); dan c) Apabila bertembung antara dua mafsadah (keburukan), maka perlu mengutamakan mafsadah yang lebih ringan (*akhaf*). Secara keseluruhannya, kerangka asas Model Tabayyun Digital ini adalah sebagaimana yang dipaparkan dalam rajah berikut:

Rajah 1

Kerangka Model Tabayyun Digital



a) Fasa 1: Penilaian Sumber (*al-Naba'*)

Perkataan *al-Naba'* dalam al-Quran membawa maksud berita besar atau penting, yang menuntut perhatian dan penelitian serius (Muhammad Asad, 1980). Dalam konteks model ini, fasa *al-Naba'* merujuk kepada tahap awal dalam pengurusan maklumat, iaitu penilaian terhadap sumber sebelum sesuatu tindakan diambil. Penilaian ini melibatkan enam elemen utama: kebolehkaitan (*relevance*), kebolehpercayaan (*credibility*), kebolehlengkapan (*completeness*), kebolehsampaian (*accessibility*), kebolehfahaman (*clarity*), dan kebolehsemakan (*verifiability*). Perincian bagi setiap elemen ini, serta potensi aplikasinya dalam sistem AI adalah seperti berikut:

Jadual 1
Elemen Utama Fasa Penilaian Sumber

Elemen	Penerangan Konsep	Relevansi kepada Prinsip <i>Tabayyun</i>	Potensi Aplikasi dalam Sistem AI
Kebolehkaitan (<i>Relevance</i>)	Menilai sejauh mana maklumat berkaitan langsung dengan isu atau konteks yang dibincangkan.	Prinsip <i>tabayyun</i> menuntut agar maklumat	AI boleh dilatih untuk mengukur tahap kesesuaian

		yang diambil atau disampaikan tidak tersasar dari konteks sebenar.	konteks melalui analisis topik (topic modeling).
Kebolehpercayaan (<i>Credibility</i>)	Memastikan sumber maklumat sahih, dikenali, dan mempunyai rekod integriti yang baik.	Berasaskan ayat al-Quran, berita dari pihak fasik perlu disemak kerana tiada jaminan kepercayaan.	Sistem AI boleh menggunakan <i>source verification engines</i> dan reputasi sumber untuk menilai kredibiliti.
Kebolehlengkapan (<i>Completeness</i>)	Maklumat yang disampaikan merangkumi semua fakta penting dan tidak bersifat selektif.	<i>Tabayyun</i> melibatkan usaha mendapatkan gambaran penuh sebelum membuat kesimpulan.	AI boleh direka untuk mengenal pasti berita separa atau yang tidak menunjukkan sudut pandang lain.
Kebolehsampaian (<i>Accessibility</i>)	Akses kepada sumber asal maklumat atau bukti untuk disemak semula.	Semakan tidak dapat dilakukan tanpa akses kepada sumber; ini menafikan prinsip <i>tabayyun</i> .	AI boleh menilai keberadaan pautan rujukan, dokumen asal, atau metadata berkaitan kandungan.
Kebolehfahaman (<i>Clarity</i>)	Maklumat disampaikan dengan bahasa dan struktur yang jelas, tidak mengelirukan.	Kekaburan atau penyamaran fakta bertentangan	<i>Natural Language Processing</i> boleh digunakan

		dengan prinsip <i>al-haqq</i> dan <i>tabayyun</i> .	untuk menilai kejelasan dan ambiguiti teks.
Kebolehsamaan (<i>Verifiability</i>)	Maklumat disertakan dengan bukti, data atau hujah yang boleh diuji semula.	<i>Tabayyun</i> menuntut maklumat dapat disemak dan dibuktikan, bukan bersandarkan sangkaan.	AI boleh menyemak kehadiran sokongan data seperti statistik, petikan atau pautan rujukan.

Tuntasnya, elemen-elemen ini boleh diterjemahkan sebagai parameter teknikal dalam algoritma AI, misalnya melalui pengenalan sumber asal, sejarah penyebaran, kejelasan struktur bahasa, serta ketersediaan bukti atau rujukan yang dapat disahkan. Dalam sistem sedia ada, penilaian sumber dilakukan secara terasing daripada nilai, namun kerangka ini mencadangkan agar aspek moral dan epistemologi turut ditanam dalam reka bentuk logik sistem.

b) Fasa 2: Pelaksanaan Tindakan (*al-Tabayyun*)

Fasa kedua ini berpaksikan kata kunci utama dalam kajian ini, iaitu *tabayyun*, yang secara literal bermaksud menyelidik, menjelaskan atau memperjelas sesuatu maklumat. Dalam kerangka ini, fasa *al-Tabayyun* merangkumi empat sikap asas yang perlu diwujudkan sebelum pengguna menyebarkan sesuatu berita: kawalan diri (*self-restraint*), sikap terbuka (*open-mindedness*), pemikiran kritis (*critical thinking*), dan usaha mencari maklumat tambahan (*evidence seeking*). Perincian bagi setiap elemen ini, serta potensi aplikasinya dalam sistem AI adalah seperti berikut:

Jadual 2
Elemen Utama Fasa Pelaksanaan Tindakan

Elemen	Penerangan Konsep	Relevansi kepada Prinsip <i>Tabayyun</i>	Potensi Aplikasi dalam Sistem AI
--------	-------------------	--	----------------------------------

Kawalan Diri (<i>Self-Restraint</i>)	Keupayaan menahan diri daripada menyebarkan maklumat secara tergesa-gesa.	Ayat <i>fatabayyanu</i> ditujukan untuk mengelakkan tindakan yang tergesa dan berasaskan sangkaan.	Fungsi ' <i>share delay warning</i> ' atau ' <i>pause before sharing</i> ' dalam AI sebagai peringatan etika.
Sikap Terbuka (<i>Open-Mindedness</i>)	Kesediaan mendengar dan mempertimbangkan pelbagai sudut pandang terhadap sesuatu isu.	<i>Tabayyun</i> menuntut keterbukaan dalam mendekati maklumat, bukan prejudis atau taksu.	AI boleh bantu pamerkan kandungan alternatif atau pandangan berbeza untuk imbangi maklumat.
Pemikiran Kritis (<i>Critical Thinking</i>)	Keupayaan untuk menilai logik, bukti dan kesahihan maklumat secara objektif.	Prinsip <i>tabayyun</i> menolak sikap ikut-ikutan dan menyeru kepada semakan rasional.	Algoritma boleh menilai logik naratif dan memberi isyarat kepada unsur manipulatif.
Maklumat Tambahan (<i>Evidence Seeking</i>)	Usaha aktif mencari rujukan lain untuk mengesahkan atau menolak maklumat sedia ada.	Proses <i>tabayyun</i> memerlukan semakan silang (<i>tathabbut</i>) dan pengumpulan hujah.	AI boleh mencadangkan sumber tambahan automatik atau artikel berkaitan sebagai rujukan lanjut.

Dari sudut teknologi, pendekatan ini boleh direalisasikan melalui sistem *human-in-the-loop*, di mana AI memberikan penilaian awal terhadap maklumat, namun keputusan akhir masih memerlukan refleksi manusia yang dipandu oleh nilai (Brent et. al, 2016). Ciri seperti '*flagging system*', amaran etika, atau permintaan untuk sumber sokongan boleh dimasukkan dalam reka bentuk platform media sosial untuk menggalakkan budaya tabayyun sebelum berkongsi kandungan.

c) Fasa 3: Pengurusan Impak (*al-Musibah*)

Perkataan al-Musibah dalam al-Quran merujuk kepada sesuatu bencana atau kesan yang menimpa akibat tindakan manusia atau ketentuan Ilahi. Dalam kerangka ini, fasa al-Musibah menumpukan kepada penilaian masalah (kebaikan) dan mafsadah (kemudaratan) hasil daripada penyebaran maklumat. Setiap tindakan digital, termasuk perkongsian maklumat, harus dinilai dari sudut kesan sosialnya, bukan sekadar keabsahan fakta. Perincian bagi setiap elemen ini, serta potensi aplikasinya dalam sistem AI adalah seperti berikut:

Jadual 3
Elemen Utama Fasa Pengurusan Impak

Elemen	Penerangan Konsep	Relevansi kepada Prinsip <i>Tabayyun</i>	Potensi Aplikasi dalam Sistem AI
Masalah (<i>Public Benefit</i>)	Merujuk kepada kebaikan atau manfaat sosial yang terhasil daripada penyebaran maklumat.	Prinsip <i>tabayyun</i> bertujuan mengelakkan kerosakan sosial dan memelihara kebaikan umat.	AI boleh dibangunkan dengan model <i>impact prediction</i> yang mengesan kandungan berpotensi menyumbang kepada keharmonian sosial.
Mafsadah (<i>Public Harm</i>)	Kemudaratan, kekeliruan atau ketegangan yang timbul akibat penyebaran maklumat.	Penyebaran berita palsu tanpa <i>tabayyun</i> boleh membawa kepada konflik, penyesalan dan fitnah.	Sistem AI boleh menilai risiko kandungan berdasarkan kata kunci, nada emosi, dan sejarah interaksi lalu (e.g. <i>hate speech detection</i>).

Teknologi AI hari ini telah mula memperkenalkan sistem penilaian risiko (*risk scoring systems*), terutamanya dalam sektor kewangan dan kesihatan (Sandra, Brent & Chris, 2021). Pendekatan serupa boleh diguna pakai dalam konteks pengurusan maklumat media sosial yang berpaksikan prinsip syariah, dengan mengambil kira impak berita terhadap ketenteraman awam, reputasi individu, atau kesejahteraan masyarakat.

Kerangka Tabayyun Digital yang dicadangkan ini bertujuan untuk melangkaui pendekatan teknikal semata-mata dalam penapisan maklumat, dengan menegaskan keperluan kepada sistem yang beretika, berpanduan wahyu dan responsif terhadap realiti digital semasa. Ia membuka ruang kepada pembangunan sistem AI yang bukan sahaja mampu menilai maklumat dari sudut teknikal, tetapi juga menyaring berdasarkan prinsip epistemologi Islam yang menjunjung kebenaran, keadilan dan kemaslahatan. Walaupun bersifat konseptual, model ini menyediakan asas untuk penyelidikan dan pembangunan lanjut dalam kalangan saintis komputer Muslim, pengkaji etika Islam, dan pembangun dasar digital. Ia turut memberi respons kepada keperluan umat Islam kontemporari untuk berinteraksi secara bertanggungjawab dengan maklumat, di samping mengembalikan prinsip tabayyun sebagai asas budaya digital Muslim.

5. KESIMPULAN

Kajian ini telah membentangkan satu pendekatan konseptual bagi menangani cabaran penyebaran maklumat di media sosial dengan mengintegrasikan prinsip tabayyun daripada al-Quran bersama keupayaan teknologi kecerdasan buatan (AI). Berdasarkan analisis terhadap teks wahyu dan dapatan literatur semasa, kajian mencadangkan kerangka Tabayyun Digital yang terdiri daripada tiga fasa utama; *al-Naba'* (penilaian sumber), *al-Tabayyun* (pelaksanaan tindakan), dan *al-Musibah* (pengurusan impak). Setiap fasa menekankan nilai-nilai Islam yang boleh diterjemahkan dalam bentuk parameter atau logik algoritma dalam sistem penapisan maklumat moden. Model ini membawa implikasi penting terhadap usaha membina sistem AI yang lebih bertanggungjawab dan beretika, khususnya dalam konteks masyarakat Muslim yang memerlukan pendekatan berteraskan nilai wahyu. Dalam masa yang sama, ia memperluaskan aplikasi prinsip tabayyun daripada kerangka adab peribadi kepada satu sistem sosial dan teknologi yang lebih luas. Hal ini membuktikan bahawa nilai-nilai Islam tidak statik, tetapi mampu berkembang seiring dengan kemajuan teknologi dan keperluan semasa.

Namun, kajian ini juga mengakui beberapa batasan. Pertama, ia bersifat konseptual dan belum melibatkan pengujian teknikal atau pembinaan sistem sebenar. Kedua, perbincangan berkaitan AI dalam kajian ini lebih bersifat deskriptif dan umum. Oleh itu, kajian lanjutan disarankan untuk mengembangkan model ini ke dalam bentuk algoritma yang boleh diuji, sama ada dalam bentuk *AI-assisted fact-checking tools*, *ethical filtering systems*, atau aplikasi mudah alih yang berfungsi sebagai panduan tabayyun digital dalam kalangan pengguna media sosial Muslim. Cadangan juga boleh diperluas ke arah kajian empirik melalui

temu bual pakar syariah, pengatur cara (*programmers*), dan pengguna awam bagi menilai kefahaman, kebolehlaksanaan, dan penerimaan model ini. Pendekatan pelbagai disiplin sangat diperlukan bagi memastikan model ini bukan sahaja sah dari segi nilai, tetapi juga praktikal dan boleh diintegrasikan dalam ekosistem digital semasa. Dalam dunia yang semakin terdedah kepada maklumat palsu dan manipulatif, usaha menggabungkan kebijaksanaan wahyu dan kecekapan teknologi adalah langkah penting ke arah masyarakat yang lebih berintegriti maklumat dan berpaksikan nilai kebenaran.

PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian di bawah pembiayaan Geran Fundamental Research Grant Scheme – Early Career (FRGS-EC) oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) dengan rujukan: [FRGS-EC/1/2024/SS05/UITM/02/4]. Tajuk penyelidikan ini ialah "Pembinaan Model Tabayyun Digital Bagi Pengguna Media Sosial di Malaysia". Segala sokongan yang diberikan oleh semua pihak amat dihargai.

RUJUKAN

- Aida Mokhtar. (2017). "Islamic Communication Ethics and the New Media: A Study of Malaysian Muslim Users". *Journal of Media and Religion* Vol. 16 No. 3: 102–116.
- al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad. (1993). *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Syatibi, Ibrahim bin Musa. (1997). *al-Muwafaqat fi Usul al-Shariah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Syawkani, Muhammad bin 'Ali. (t.th.). *Fath al-Qadir al-Jami' Bayna Fann al-Riwayah wa al-Dirayah min 'Ilm al-Tafsir*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Tabari, Muhammad bin Jarir. (1995). *Jami' al-Bayan fi Ta'wil Ay al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Zuhayli, Wahbah. (2004). *Tafsir al-Munir*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Amy Mitchell, Jeffrey Gottfried, Galen Stocking, Mason Walker and Sophia Fedeli. (2019). "Many Americans Say Made-Up News Is a Critical Problem That Needs to Be Fixed," *Pew Research Center*, <https://www.pewresearch.org>.
- Aryo Bima Fathoni, A. V., Bilqisthi Rahmah, N., Paiqotul, N., & Ramdani, Z. (2019). Defining Tabayyun as A Psychological Attribute: Study of

- Thematical Exploration. Proceeding of International Summit on Science Technology and Humanity (ISETH 2019).
- Brent Mittelstadt, Patrick Allo, Mariarosaria Taddeo, Sandra Wachter and Luciano Floridi (2016). "The Ethics of Algorithms: Mapping the Debate". *Big Data & Society* Vol. 3 No. 2: 1–21.
- Claire Wardle and Hossein Derakhshan. (2017). *Information Disorder: Toward an Interdisciplinary Framework for Research and Policy Making*. Council of Europe Report.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- Hans Wehr. (1994). *A Dictionary of Modern Written Arabic*. Urbana: Spoken Language Services, 82.
- Ibn Kathir, Isma'il bin 'Umar. (2000). *Tafsir al-Qur'an al-Azim* (Jil. 4). Beirut: Dar al-Fikr.
- Kai Shu, Amy Sliva, Suhang Wang, Jiliang Tang and Huan Liu (2017). "Fake News Detection on Social Media: A Data Mining Perspective". *Explorations Newsletter* Vol. 19 No. 1: 22–36.
- Kieso, D. E., Weygandt, J. J., & Warfield, T. D. (2013). *Intermediate Accounting* (15th ed.). Hoboken, NJ: John Wiley & Sons, Inc.
- Luciano Floridi. (2013). *The Ethics of Information*. Oxford: Oxford University Press.
- Mohd Nasir Omar. (2004). "Konsep Etika Komunikasi Menurut Perspektif Islam," *Jurnal Komunikasi* Vol. 20: 1–20.
- Muhammad Asad. (1980). *The Message of the Qur'an*. Gibraltar: Dar al-Andalus, 894.
- Ridzwan Ahmad. (2005). Metode Pentarjihan Masalah dan Mafsadah Dalam Hukum Islam Semasa. *Jurnal Syariah*, Vol. 16 No. 1: 107–143.
- Safiya Umoja Noble. (2018). *Algorithms of Oppression: How Search Engines Reinforce Racism*. New York: NYU Press.
- Sandra Wachter, Brent Mittelstadt & Chris Russell. (2021). "Why Fairness Cannot Be Automated: Bridging the Gap Between EU Non-Discrimination Law and AI". *Computer Law & Security Review* Vol. 41: 105567.
- Sayyid Qutb. (2003). *Fi Zilal al-Qur'an* (Jil. 6). Cairo: Dar al-Shuruq.
- Soroush Vosoughi, Deb Roy & Sinan Aral. (2018). "The Spread of True and False News Online". *Science* Vol. 359 No. 6380: 1146–1151.

- Wahyudi. (2022). Artificial Intelligence and The Ethics of Islam: Towards A Framework of Digital Communication. *Islamiyyat*, 44(2), 215–230.
- William Yang Wang. (2017). Liar, Liar Pants on Fire: A New Benchmark Dataset For Fake News Detection. *Proceedings of the ACL*.
- Zeynep Tufekci. (2017). *Twitter And Tear Gas: The Power and Fragility of Networked Protest*. New Haven: Yale University Press.